

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan KSCP  
Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

**ZCT 317/3 - Ilmu Fizik Keadaan Pepejal II**

Masa : [ 3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Diberi suatu kekisi dua dimensi segiempat tepat dengan nisbah jarak di antara atom-atom di dalam sel primitifnya ialah  $2a:a$ . Lukiskan Zon Brillouin Pertama, Kedua dan Ketiga.

(20/100)

- (b) Buktikan bahawa luas ketiga-tiga Zon Brillouin dalam (a) adalah sama.

(20/100)

- (c) Fungsi gelombang Bloch bagi elektron hampir bebas diberikan sebagai

$$\Psi_{n\underline{k}}(\underline{r}) = e^{i\underline{k}\cdot\underline{r}} u_{n\underline{k}}(\underline{r})$$

dengan  $n$  = ialah indeks jalur,  
 $\underline{k}$  = ialah indeks vektor gelombang,  
 $\underline{r}$  = ialah vektor kedudukan dan  
 $u_{n\underline{k}}$  = ialah fungsi Bloch yang berkala dengan  $\underline{r}$ .

Tunjukkan bahawa tenaga bagi elektron hampir bebas ini adalah berkala di dalam kekisi resiprokal.



(30/100)

..2/-

- 2 -

- (d) Rajah-rajab di bawah menunjukkan struktur jalur dan Zon Brillouin Pertama yang sepadan bagi suatu unsur.
- Kenapakah unsur tersebut adalah logam?
  - Apakah kekisi hablurnya?
  - Nyatakan ciri-ciri utama yang ada pada jalur tersebut.

(30/100)



2. (a) Jelaskan kewujudan "singulariti Van Hove" dalam ketumpatan keadaan elektronik.


(20/100)

...3/-

- 3 -

- (b) Rajah di bawah menunjukkan ketumpatan keadaan elektronik bagi litium (Li). Perihalkan dengan jelas bentuk ketumpatan keadan tersebut.

(20/100)



- (c) Elektron dengan halaju  $\underline{v} = (v_x, v_y, v_z)$  berada di dalam medan magnet  $\underline{H} = (0, 0, H_z)$ . Gunakan Model Semiklasik bagi menerangkan bentuk pergerakan elektron tersebut.


(30/100)

- (d) Rajah di bawah menunjukkan permukaan Fermi bagi logam kuadruvalens dua dimensi. Elektron di dalam logam kuadruvalens ini mengalami keupayaan berkala hablur  $U(\underline{r}) \neq 0$ .

- (i) Lakarkan permukaan Fermi Zon Brillouin Kedua dan Ketiga di dalam skim zon diperkecilkan.
- (ii) Tentukan arah pergerakan elektron di permukaan Fermi tersebut (Zon Brillouin Kedua dan Ketiga) dan nyatakan jenis orbitannya apabila dikenakan dengan medan magnet  $\underline{H}$  yang arahnya keluar muka surat kertas.

(30/100)

...4/-



3. (a) Takrifkan Kesan Meissner di dalam superkonduktor.

(20/100)

- (b) Gunakan Hukum Maxwell-Ampere, Persamaan London Pertama dan Kedua bagi menerbitkan persamaan yang menerangkan kelakuan magnet di dalam suatu superkonduktor, iaitu

$$\nabla^2 \underline{B}(r) = \frac{1}{\lambda_L^2} \underline{B}(r)$$

dengan  $\underline{B}(r)$  ialah ketumpatan fluks magnet dan  $\lambda_L$  ialah kedalaman tembusan fluks London.

(30/100)

- (c) Takrifkan kedalaman tembusan fluks London  $\lambda_L$  dengan jelas.

(20/100)

...5/-

- (d) Buktikan bahawa ketumpatan fluks magnet pada jarak  $x$  ke dalam suatu plat superkonduktor dengan ketebalan  $2\delta$  diberikan sebagai

$$B(x) = B_a \frac{\operatorname{kosh}\left(\frac{x}{\lambda_L}\right)}{\operatorname{kosh}\left(\frac{\delta}{\lambda_L}\right)}$$

dengan  $B_a$  ialah ketumpatan fluks magnet seragam di luar plat yang dikenakan secara selari dengan permukaan plat.

(30/100)

4. (a) Lakarkan dengan lengkap kebersandaran frekuensi bagi bahagian hakiki dan khayal pemalar dielektrik  $\epsilon_r$  suatu dielektrik dwikutub ion.

(20/100)

- (b) (i) Nyatakan anggapan-anggapan yang diperlukan dalam kaedah penghampiran masa santaian bagi pengkutuban orientasi dwikutub.  
(ii) Dengan menggunakan kaedah ini, tunjukkan bahawa bahagian hakiki pemalar dielektrik  $\epsilon_r$  ialah

$$\epsilon_r'(\omega) - \epsilon_r(\infty) = \frac{\epsilon_r(0) - \epsilon_r(\infty)}{1 + \omega^2 \tau^2}$$

dan bahagian khayal pemalar dielektrik ialah

$$\epsilon_r''(\omega) = \frac{\omega \tau \{ \epsilon_r(0) - \epsilon_r(\infty) \}}{1 + \omega^2 \tau^2}$$

dengan  $\tau$  ialah masa santaian,  $\omega$  frekuensi dan  $\epsilon_r(\omega) = \epsilon_r'(\omega) - j \epsilon_r''(\omega)$ .  $\epsilon_r(\infty)$  ialah pemalar dielektrik pada frekuensi tinggi.

(50/100)

...6/-

- 6 -

- (c) Jika  $\tau = 10^{-11}$ s, hitungkan;
- (i) frekuensi  $\omega_c$  yang mana  $\epsilon_r''$  mempunyai nilai maksimum dan
  - (ii) frekuensi  $\omega_1$  dan  $\omega_2$  yang mana  $\epsilon_r''$  adalah setengah nilai maksimum.
- (30/100)

5. (a) Huraikan dengan ringkas asalan kediamagnetan dan keparamagnetan dalam penebat.

(30/100)

- (b) (i) Suatu garam paramagnet dalam bentuk larutan mengandungi ion-ion dengan momen magnet yang ditentukan oleh nombor-nombor kuantum  $L = 0$ ,  $S = 1/2$  dan  $J = 1/2$ . Tunjukkan bahawa pemagnetan  $M$  yang dihasilkan oleh medan magnet  $B$  pada suhu  $T$  diberikan oleh

$$M = N\mu_B \tanh \left( \frac{\mu_B B}{k_B T} \right)$$

dengan  $N$  ialah ketumpatan bilangan ion dan  $\mu_B$  ialah magneton Bohr.

- (ii) Tuliskan ungkapan hampiran yang bersesuaian bagi  $M$  pada  $T$  besar dan  $T$  kecil.
- (iii) Lakarkan kebersandaran  $M$  dengan  $T$  bagi kedua-dua ungkapan dalam (ii).

(70/100)

- oooOOooo -